

KEW.PA-27

No. Sebut harga : LPNM.BKP.300-2/6/2()

**KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA
PELUPUSAN ASET ALIH**

Kementerian atau Jabatan:

Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia
(Kementerian Pertanian dan Industri Makanan)
Wisma Nanas, No.5 Jalan Padi Mahsuri
81200 Bandar Baru Uda
Johor Darul Ta'zim

1. Tawaran adalah dipelawa dari syarikat atau orang perseorangan yang berminat untuk membeli aset seperti berikut:

Bil.	Keterangan aset	*Nombor Pendaftaran Kenderaan	Kuantiti	Harga Simpanan (RM)
1.	TOYOTA HILUX (M) DOUBLE CAB 2.5 MT	JMG192	1	15,000.00
2.	PROTON PREVE 1.6L, CVT (A)	JPE8340	1	6,000.00
3.	LORI SCANIA-P114A (PRIME MOVER)	JKB161	1	30,500.00
4	TRELER E.K SB KE24T-STR		1	15,000.00
5	TRAKTOR TANAH HITACHI EX40U	JNL2327	1	8,500.00

2. Aset bagi item **1 dan 2** boleh dilihat pada **04 April 2022 (Isnin)** bermula **10.00 pagi hingga 04.00 petang** di **LPNM Wilayah Tengah/Negeri Selangor, Laman Nanas, MAEPS 43400 Serdang, Selangor Darul Ehsan.**
3. Aset bagi item **3,4, dan 5** boleh dilihat pada **05 April 2022(Selasa)** bermula **10.00 pagi hingga 04.00 petang** di **Bahagian Pembangunan Teknologi Nanas, Jalan Kampung Melayu Raya, Alor Bukit, 81500 Pekan Nanas, Pontian.**
4. Tawaran sebut harga boleh dibuat dengan menggunakan Borang Sebut Harga Pelupusan Aset Alih Kerajaan (KEW.PA-28) yang boleh diperoleh di alamat seperti di para 5. Tawaran sah bagi tempoh 90 hari.

5. Semua tawaran dengan maklumat yang lengkap hendaklah menggunakan sampul surat berlakri dan di tanda No. Sebut harga LPNM.BKP.300-2/6/2() dan dihantar melalui pos atau dimasukkan ke dalam Peti Sebut harga di alamat:-

**Ketua Pengarah
Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia
Wisma Nanas, No.5 Jalan Padi Mahsuri,
81200 Bandar Baru Uda,
Johor Darul Ta'zim
(Seksyen Pengurusan Aset – Pelupusan Aset Alih 2022)**

6. Tarikh tutup sebut harga pada 14 April 2022 (Khamis) jam 12.00 tengah hari. Sebut harga yang diterima lewat tidak akan dipertimbangkan.

Borang Sebut Harga Pelupusan Aset Alih Kerajaan (Kew.PA-28)



SYARAT DAN PERATURAN SEBUT HARGA

1. Aset akan dijual tertakluk kepada harga simpanan.
2. Penyebut harga adalah dikehendaki menyertakan deposit sebut harga sebanyak 5% daripada harga tawaran bagi setiap aset atau RM5,000 mengikut mana yang terendah. Deposit sebut harga hendaklah dalam bentuk Wang Pos atau Draf Bank sahaja atas nama **LEMBAGA PERINDUSTRIAN NANAS MALAYSIA**
3. Tawaran tanpa/ kurang deposit sebut harga tidak akan dipertimbangkan.
4. Semua aset adalah dijual sebagaimana keadaannya semasa dilihat (*as-is-where-is basis*).
5. Jabatan ini tidak bertanggungjawab ke atas aset yang telah dijual.
6. Semua perbelanjaan berkaitan pembelian aset seperti kos menanggal (*dismantle*), mengangkut dan sebagainya hendaklah ditanggung oleh pembeli sendiri.
7. Pembeli yang berjaya hendaklah membuat pembayaran penuh dalam tempoh satu (1) minggu dari tarikh pemberitahu keputusan. Jika bayaran tidak dijelaskan dalam tempoh tersebut, deposit sebut harga tidak akan dikembalikan.
8. Pembeli yang berjaya hendaklah mengambil aset dalam tempoh 7 hari selepas bayaran penuh dijelaskan. Jika gagal, bayaran yang telah dibuat tidak akan dikembalikan dan Jabatan berhak untuk melupuskan aset tersebut.

Nota : Syarat-syarat sebutharga boleh dipinda mengikut keperluan Kementerian/Jabatan.